

SIRAH: INSAN MULIA YANG DIRINDUI

Perjalanan hidup Nabi Muhammad ﷺ siri 4

Pengenalan

Sirah Rasulullah ﷺ telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sirah sebelum Baginda ﷺ diangkat menjadi rasul dan juga sirah selepas Baginda ﷺ diangkat menjadi rasul. Kedua-dua bahagian ini memainkan peranan penting dalam memahami dan mengenali Rasulullah ﷺ secara mendalam serta menyusuri sirah Baginda ﷺ.

Kehidupan Baginda Selepas Diangkat Sebagai Rasul

Wahyu Pertama Baginda ﷺ

Rasulullah ﷺ telah menerima wahyu yang pertama setelah umur Baginda ﷺ mencecah cukup 40 tahun di Gua Hira'. Rasulullah ﷺ telah menerima mimpi yang baik untuk berkhulwah di Gua Hira' dan setelah beberapa hari Baginda ﷺ berkhulwah di Gua Hira', malaikat Jibril ﷺ telah datang untuk bertemu dengan Baginda ﷺ bagi menyampaikan wahyu daripada Allah S.W.T.

Peristiwa yang bermakna ini berlaku pada 17 Ramadan (Hari Isnin). Seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, malaikat Jibril ﷺ telah datang kepada Baginda ﷺ dan menyuruhnya membaca dan Baginda ﷺ membalas 'aku tidak boleh membaca', lalu malaikat Jibril ﷺ memeluk Baginda ﷺ sehingga Baginda ﷺ sukar bernafas. Perkara ini telah berlaku sebanyak tiga (3) kali dalam waktu yang sama. Kemudian turunlah ayat 1 - 5 surah al-'Alaq.

Orang yang pertama memeluk ialah isteri Baginda ﷺ, Khadijah Binti Khuwailid dan diikuti oleh sepupu Baginda ﷺ, Ali . Hamba sahaya yang pertama memeluk Islam ialah Bilal Bin Rabah al-Habsyi. Kemudian penurunan wahyu terhenti seketika, dalam Riwayat sahih mengatakan selama 6 bulan. Selepas itu, Baginda ﷺ kembali menerima wahyu dari Allah S.W.T. seperti yang telah diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya, daripada Jabir Bin Abdullah Al-Ansari, daripada Nabi ﷺ:

"Ketika aku sedang berjalan-jalan, tiba-tiba aku mendengar satu suara daripada langit. Aku mengangkat pandanganku. Rupa-rupanya ia adalah malaikat yang telah datang kepada aku di Gua Hira'. Malaikat itu sedang duduk di atas kerusi di antara langit dan bumi. Aku merasa takut kepadanya, lantas aku pulang. Aku berkata: Selimutkan aku. Maka Allah Taala telah menurunkan:

﴿يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنْذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾﴾ المدثر: ١ - ٥

Maksudnya: Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaran-Nya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. (Al-Muddathir: 1-5)

Setelah itu wahyu turun berterusan.

Kesimpulan

Berdasarkan kisah siri ini, dapat difahami bahawa wahyu Allah S.W.T. diturunkan kepada Rasulullah ﷺ melalui mimpi yang baik dan juga melalui perantaraan malaikat Jibril عليه السلام. Sesungguhnya Allah S.W.T. itu maha berkuasa atas makhluknya.